



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERBANDINGAN ASPEK LEKSIKAL DAN MAKNA DALAM  
PERIBAHASA MELAYU DAN PERIBAHASA TAMIL***

**RAGINI A/P RAGAVAN**

**FBMK 2016 26**



**PERBANDINGAN ASPEK LEKSIKAL DAN MAKNA DALAM PERIBAHASA  
MELAYU DAN PERIBAHASA TAMIL**

**Oleh**

**RAGINI A/P RAGAVAN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera**

**April 2016**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Berasa bersyukur kerana Tuhan yang maha mulia telah memberikan

Peluang yang keemasan untuk aku melakukan

Kewajipan sebagai penuntut ilmu

Untuk emak dan bapaku yang memberikan

Sokongan dan dorongan dari jauh dan  
Doamu sentiasa kalian kirim untuk diriku

Tidak mampu membalas jasamu

Kepada kakak dan adik kesayanganku

Mohana dan Karthigeyan

Jasa kalian sentiasaku hargainya

Untuk sahabat yang memberikan nasihat

Dan tunjuk ajar bagiku

Sentiasa aku tidak melupakannya

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**PERBANDINGAN ASPEK LEKSIKAL DAN MAKNA DALAM PERIBAHASA MELAYU DAN PERIBAHASA TAMIL**

Oleh

**RAGINI A/P RAGAVAN**

**April 2016**

**Pengerusi : Che Ibrahim bin Haji Salleh, Phd**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini merupakan satu kajian persamaan dan perbezaan peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dari aspek leksikal dan semantik. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan leksikal dalam peribahasa Melayu dan Tamil oleh masyarakat Melayu dan India. Bangsa Melayu dan India telah mewarisi himpunan peribahasa yang banyak dan setiap peribahasa tersebut akan menggambarkan kebudayaan dan cara pemikiran mereka tersendiri. Kedua-dua masyarakat memilih peribahasa untuk menyampaikan perasaan ataupun pesanan kepada orang lain agar mereka tidak berasa kecil hati. Perkara ini menyerlahkan budi baik masyarakat Melayu dan India yang tidak gemar berterus terang untuk menyuarakan baik buruk orang lain. Kelainan budaya mungkin akan menimbulkan kekeliruan dalam memahami makna peribahasa dan perkara ini akan mewujudkan situasi salah faham antara masyarakat. Bahan kajian diambil daripada buku *Peribahasa Sekolah Rendah*, *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*, *Kamus Istimewah Peribahasa Melayu*, *Peribahasa Tamil Kuil*, *Tamil karka venduma* dan *Ilakkana Ilakkiya Vizhakavurai*. Selain itu, kaedah temu bual juga dijalankan untuk mendapatkan pengesahan makna peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Dapatan kajian telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan Teori Segi Tiga Makna. Teori ini akan menjelaskan makna simbol melalui segi tiga, iaitu simbol, fikiran dan rujukan. Leksikal yang terdapat dalam peribahasa juga dibincang dari sudut semantik dan sintaksis yang mempengaruhi konsep makna sesuatu peribahasa tersebut. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu dan Tamil mempunyai persamaan pemikiran dalam penggunaan simbol yang sama dalam peribahasa, terutama dari segi leksikal benda, haiwan, anggota badan, dan alam. Terdapat juga beberapa peribahasa yang dapat dikaitkan dengan nilai dan pemikiran masyarakat majmuk seperti tingkah laku dan nilai manusia, persahabatan, kasih sayang, usaha, nasihat, serta alam flora dan fauna.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master Arts

## COMPARATIVE OF LEXICAL AND SEMANTIC ASPECT IN MALAY AND TAMIL PROVERBS

By

RAGINI A/P RAGAVAN

April 2016

**Chairman : Che Ibrahim bin Haji Salleh, Phd**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

This study focus on similarities and differences of Malay and Tamil proverb in lexical and semantic aspects. The aim at this study was to identify the similarities and differences between lexical in Malay and Tamil proverb. Malay and Indian community have inherited a collection of proverbs and most of the proverbs would describe their own culture and mindset. Both people use proverbs to convey thier feeling or the message to other's that they do not feel discouraged. This absolute show the good about Malay and Indian communities who do not like to speak frankly about the good and bad of others. Cultural difference may cause in confusion to understanding the meaning of the proverbs, and it will create a situation of misunderstanding between people. There are some books used to get proverbs there are *Peribahasa Sekolah Rendah*, *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*, *Kamus Istimewah Peribahasa Melayu*, *Peribahasa Tamil Kul*, *Tamil karka venduma* and *Ilakkana Ilakkiya Vizhakavurai* was used to collect data and were analyzed using a text analysis. In addition, an interview also conducted to verify the meaning of Malay and Tamil. Semantic Triangle theory (Teori Tiga Segi Makna) is used to analyze the data. This theory would explain the meaning of the symbol of the triangle which consists of three terms that are symbols, ideas or concept and references. The theory used to explain the symbols that are found in Malay and Tamil proverbs. In addition, the lexical found in proverbs also discussed from the point of semantics and syntax that affect the concept in the meaning of a proverb. This study has shown that, the Malay and Tamil society have common thoughts in using of symbols in proverbs. The categories that were discussed is lexical of objects, animals, body parts, and environment.

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr Che Ibrahim bin Haji Salleh, selaku penyelia yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, dan teguran. Segala jasa dan budi luhur beliau akan tetap saya kenangi dan menjadi panduan pada hari muka.

Kepada semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sekalungan penghargaan atas kerjasama yang telah diberikan. Semoga Tuhan dapat membalas budi yang telah dicurahkan oleh mereka.

Namun apa pun yang dilakukan oleh insan, tanpa izin dan kehendak Tuhan yang maha kuasa, tidak akan wujud walaupun sepecah kata. Kepada-Nyalah penghargaan dan kesyukuran yang tidak terhingga.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 April 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Ragini a/p Ragavan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perbandingan Aspek Leksikal dan Makna dalam Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlambangan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Rajantharan a/l Muniandy, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

(Pemeriksa Luar)

---

**(Zulkarnian Zainal, PhD)**

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 25 Mei 2016



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

**Che Ibrahim Bin Haji Salleh, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hasnah Binti Mohamad, PhD**

Profesor Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Paramasivam Muthusamy, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau do institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan)2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimabaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Ragini a/p Ragavan (GS37731)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelian:**

Denagan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pegerusi Jawatankuasa Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Che Ibrahim Bin Haji Salleh

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Profesor Madya Hasnah Binti Mohamad

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
Latar Belakang Kajian	1
Asal Usul Kelahiran Peribahasa Melayu	4
Asal Usul Kelahiran Peribahasa Tamil	6
Pernyataan Masalah	6
Persoalan Kajian	7
Objektif Kajian	8
Batasan Kajian	8
Kepentingan Kajian	9
Definisi Operasional	9
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	11
Pengenalan	11
Kajian tentang Bahasa dan Pemikiran	11
Kajian tentang Haiwan	13
Kajian tentang Lambang dan Makna	16
Kajian Perbandingan antara Peribahasa Melayu dengan Peribahasa Sanskrit	24
Kajian Peribahasa Tamil	24
Perkaitan antara Kajian Terdahulu dengan Kajian Ini	27
<b>3 METODOLOGI</b>	29
Pengenalan	29
Reka Bentuk Kajian	29
Kerangka Teori	29
Kerangka Konseptual	31
Kaedah Kajian	32
Penganalisan Data	33

<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	35
	Pengenalan	35
	Persamaan Leksikal Peribahasa Melayu dengan Peribahasa Tamil dari Aspek Semantik.	35
	Perbezaan Leksikal Peribahasa Melayu dengan Peribahasa Tamil dari Aspek Semantik	47
	Perkaitan antara Peribahasa dengan Masyarakat Majmuk	56
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	59
	Implikasi Dapatan Kajian	60
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	62
	Kesimpulan	62
	Cadangan	63
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	65
	<b>LAMPIRAN</b>	69
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	76

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Halaman</b>
1 Teori Tiga Segi Makna	29
2 Kerangka Konseptual	31
3 Penggunaan Teori Tiga Segi Makna	34



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan satu alat yang digunakan untuk menghubungkan satu individu dengan individu lain untuk menyenangkan aktiviti perhubungan seharian. Setiap kaum di dunia ini mempunyai bahasa mereka tersendiri. Hal ini turut dijelaskan oleh Nik Safiah Karim (1992), dengan mengatakan bahawa bentuk dan corak sesuatu bahasa itu bergantung pada siapa yang memperkatakannya dan dalam situasi mana sesuatu bahasa itu digunakan. Tambahan pula, penggunaan bahasa dengan pelbagai strategik akan menampakkan pelbagai nilai kebudayaan dan sosial yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat bahasa itu.

Istilah bahasa dalam bahasa Melayu mempunyai erti yang sama dalam bahasa lain juga seperti *language* dalam bahasa Inggeris, *langue* dalam bahasa Perancis, *taal* dalam bahasa Belanda, *kokugo* dalam bahasa Jepun dan *bahsa* dalam bahasa Sanskrit. Walaupun struktur luaran bahasa menunjukkan perbezaan, tetapi stuktur dalaman merujuk kepada satu makna yang sama, iaitu bahasa. Lai Lee Chung (2002), mengatakan bahawa bahasa mempunyai hubungan yang amat erat dengan tatatertib, sopan santun, adat istiadat yang memberi bias ke arah kebaikan.

Bloch dan Trager (1942), mengatakan bahawa bahasa ialah sesuatu sistem lambang bunyi yang arbitrari yang dipergunakan oleh suatu kelompok sosial sebagai alat untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Manakala Bram Joseph (1955), pula mendefinisikan bahasa sebagai sesuatu sistem yang berstruktur daripada lambang bunyi arbitrari yang digunakan oleh para anggota sesuatu masyarakat sosial sebagai alat berkomunikasi antara satu sama lain.

Ferdinand de Saussure (1964), mengatakan bahawa bahasa ialah pola umum dalam penuturan sesuatu komuniti masyarakat dan sebagai kegiatan bertutur atau bercakap seseorang individu dalam suasana tertentu. Bahasa ialah satu sistem isyarat yang berupa gabungan makna dengan bayangan bunyi yang bersifat psikologi. Perkara yang penting ialah hubungan maksud dengan bunyi dalam rentetan ucapan adalah bergantung kepada hukuman tatabahasa.

Terdapat beberapa tokoh seperti Bush, 1973; Clore, Ortony, & Foss, 1987; Davitz, 1969; Johnson-Laird & Oatley, 1989; Ortony, Clore, & Collins, 1988; Ortony, Clore, & Foss, 1987, dan Fussel, 2002 menjelaskan bahawa semua bahasa di dunia ini mempunyai bermacam-macam strategik verbal untuk mengungkapkan emosi dan buah fikiran penuturnya (Bahren Umar Siregar, 2010). Manakala Noam Chomsky (1957), mendefinisikan bahasa ialah satu proses atau kegiatan yang dapat diuraikan menurut satu set prinsip yang jumlahnya terbatas berdasarkan ragam atau gaya ucapan yang tidak terbatas jumlahnya dapat diterbitkan. Lebih lagi, bahasa ialah sejumlah ayat yang tidak terbatas, iaitu setiap ayat mempunyai panjang yang terbatas dan terdiri daripada

sejumlah unsur atau elemen yang terbatas pula jumlahnya. Tambahan pula, bahasa merupakan perilaku yang diatur rumus oleh masyarakat yang menuturkannya.

Mengantar Simanjuntak (1987), pula mengatakan bahawa bahasa ialah sesuatu sistem kognitif manusia yang unik dan yang dapat dimanipulasikan oleh manusia untuk menghasilkan atau menerbitkan sejumlah ayat yang tidak terbatas berdasarkan unsur yang terbatas untuk dipakai oleh manusia itu sebagai alat komunikasi yang merangkumi ilmu pengetahuan.

Sapir (1921), menjelaskan bahawa bahasa menentukan pemikiran penuturnya. Bahasa dapat digunakan melalui penggunaan sesuatu perkataan dengan lebih luas melalui cara seseorang penutur berfikir. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Faud Mat Hassan (2011), cara penutur itu memandang dunia bergantung pada bahasa yang diserap dalam setiap fikirannya. Oleh hal demikian, bahasa ialah bahagian integral, iaitu menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia.

Definisi yang dihuraikan di atas dapat disimpulkan bahawa bahasa telah dicipta dan diperkaya oleh penuturnya sendiri. Oleh itu, kemajuan sesuatu bahasa bergantung pada kemajuan bangsa yang menuturkannya. Hasil kemajuan sesuatu bahasa adalah dengan memperkaya penggunaan bahasa tersebut. Kekayaan sesuatu bahasa dapat dianalisis daripada aspek bahasa kiasan. Terdapat semua bahasa mempunyai dan memiliki bahasa kiasan seperti peribahasa. Peribahasa ini lahir daripada pemikiran manusia yang ingin mengungkapkan idea yang terkandung dalam fikiran dan menyampaikannya melalui perkara atau fenomena yang diperhatikan setiap hari. Dalam konteks ini, proses berbahasa menggunakan bahasa kiasan bukan sahaja digunakan oleh masyarakat Melayu, malah cara berbahasa sedemikian turut diaplikasikan oleh masyarakat India.

Mohd. Rasdi bin Saamah (2013), mengatakan bahawa strategi yang digunakan oleh penutur sesuatu bahasa untuk menyampaikan buah fikirannya adalah melalui peribahasa. Ini kerana bahasa berfungsi untuk menyampaikan gagasan, buah fikiran dan perasaannya dalam pelbagai situasi dan tujuan komunikatif. Peranan utama peribahasa adalah menyampaikan sesuatu perkara dengan merujuk lambang yang sama fungsi dengan pemikiran atau nilai yang hendak disampaikan. Biasanya setiap lambang tersebut diambil daripada persekitaran manusia untuk mewakili sesuatu makna. Hal ini sejajar dengan pendapat Asmah Haji Omar (1993), iaitu peribahasa merupakan hasil persepsi masyarakat terhadap persekitaran dan juga hasil pemahaman mereka terhadap alam nyata. Lambang Bahasa ini dijadikan sebagai medium untuk merakamkan pengalaman dan fikiran mereka.

Menurut Mohd. Ali Abdul Hamid (1986), peribahasa lahir dan dicetuskan akibat pengamatan, kejadian, dan pengalaman masyarakat sejak zaman berzaman dan disebarkan dan dituturkan dari mulut ke mulut dan daripada satu generasi ke generasi lain. Beliau berkata bahawa semakin maju manusia dan matang daya fikirannya, maka semakin bertambah bilangan bahasa kiasan dan sindiran yang digunakan. Lebih lagi, ungkapan kelompok kata yang tetap susunannya dan lazim mengandungi maksud tertentu sudah menjadi darah daging semua masyarakat. Justeru, peribahasa merupakan satu rumusan padat dan ringkas yang mengandungi kebijaksanaan sesuatu bangsa melalui tafsiran terhadap sesuatu objek atau lambang yang wujud pada persekitaran mereka.



Mengikuti Asmah Haji Omar (1993), lambang atau simbol adalah tidak sama dengan sifat, benda, peristiwa atau perbuatan, tetapi wakilnya sahaja. Beliau juga berkata bahawa lambang ialah perwujudan konsep hasil daripada persepsi. Oleh hal demikian, lambang disimpulkan di sini sebagai sesuatu yang konkrit atau abstrak yang digunakan untuk dibandingkan dengan sesuatu pernyataan. Asmah Haji Omar (2008), berkata bahawa wujudnya peribahasa ialah hasil daripada beberapa faktor, iaitu cara orang Melayu melihat alam sekelilingnya, pengalaman yang diperolehnya daripada kehidupan seharian dan juga pengalaman yang banyak dikumpulkan oleh nenek moyangnya secara turun-temurun, peraturan dalam kehidupan yang berpandukan amalan budaya dan ajaran agamanya. Oleh itu, dapat dikenal pasti corak pemikiran ini yang merangkumi falsafah, kepercayaan, dan norma sesuatu bangsa melalui lambang dalam peribahasa.

Justeru, sebagai manusia ataupun masyarakat yang berperadaban, menghindarkan penggunaan kata-kata kasar yang boleh melukakan hati orang lain. Perkara ini turut diperjelaskan oleh Nik Safiah Karim (2007), yang mengatakan bahawa dalam interaksi dengan orang, kita harus menjaga kata-kata supaya air muka orang yang mendengarnya tidak terjejas. Maka fenomena tidak berterus terang ini telah memperlihatkan ketegangan dan keluhuran adat budaya masyarakat.

Maka, setiap bahasa tersebut mengandungi bahasa kiasan tersendiri untuk menyampaikan mesej yang diingini tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengarnya. Terdapat juga bahasa kiasan yang digunakan untuk menyampaikan pendapat atau buah fikiran secara berlapis. Bahasa kiasan tersebut mungkin berbentuk negatif ataupun positif tetapi cara penyampaian nilai dan pemikiran bahasa tersebut ialah secara bersopan.

Mohd. Rasdi bin Saamah (2013), menjelaskan bahawa peribahasa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia, iaitu peribahasa berfungsi sebagai satu saluran yang memaparkan pelbagai realiti dalam kehidupan masyarakat pengguna peribahasa itu dan mempunyai nilai yang boleh dijadikan sebagai pedoman hidup baik antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar, dan manusia dengan penciptanya.

Tambahan pula, Noraini Shahida Ishak dan M Mascitah Mansor (2011), menjelaskan bahawa peribahasa dalam sesuatu bahasa merupakan khazanah dan aspek yang paling indah dan mempunyai nilai yang tersendiri. Ini dapat dilihat penjelmaan kebijaksanaan suatu masyarakat yang dihimpunkan dari zaman-berzaman dan diwarisi turun-temurun. Peribahasa juga melambangkan kekayaan suatu masyarakat berkaitan dengan pemikiran, kebudayaan, dan falsafah hidup anggota masyarakat itu sendiri.

Peribahasa merupakan satu ungkapan yang mempunyai makna tersirat yang cukup mendalam lagi persis untuk tujuan kelancaran komunikasi dan merupakan cabang kekayaan bahasa yang dimiliki oleh semua bahasa (Indirawati Zahid, 1998). bahawa Penggunaan peribahasa mempunyai objektif yang tersendiri, iaitu supaya orang mendengarnya tidak mudah rasa tersinggung dalam sesuatu komunikasi. Daripada takrifan yang diberikan dapat dirumuskan bahawa peribahasa itu adalah satu cabang bahasa sastera yang terdiri daripada ayat yang pendek, yang indah, yang sedap didengar, mengandungi iktibar dan pengajaran yang berguna dan mencerminkan keadaan masyarakat bangsa itu sendiri.

Oktavianus Liudawati (2008), menjelaskan tiga kelebihan peribahasa, iaitu memiliki struktur kalimat yang sebahagian besarnya tidak dapat diubah, mengandungi makna kiasan yang ditentukan oleh faktor etnografi komunikasi, dan memiliki nilai estetika yang tinggi dalam aspek bentuk dan cara penyampaian maknanya.

### **Asal Usul Kelahiran Peribahasa Melayu**

Sesuatu bentuk sastera atau kesenian itu wujud dan tumbuh kerana adanya keperluan daripada golongan masyarakat yang menjadi pendukungnya. Demikian juga dengan peribahasa. Sejak zaman-berzaman, peribahasa telah dikenali dan digunakan dengan meluas, malah ada persetujuan ahli masyarakat sesuatu bangsa itu untuk mengangkat peribahasa sebagai satu seni yang berguna, dikembang, dipelihara, dan dikekalkan berkurun lamanya.

Sedia maklum bahawa, peribahasa telah sebatikan dengan masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman yang luas digunakan oleh masyarakat Melayu silam. Tetapi agak sukar untuk menentukan tarikh mula munculnya peribahasa itu. Begitu juga dengan usaha untuk mencari asal-usul sebenar peribahasa Melayu, sehingga pada masa kini tiada keterangan yang lebih jelas tentang kewujudan peribahasa dalam kalangan masyarakat. Perkara yang boleh dipastikan adalah peribahasa telah lahir daripada ciptaan rakyat jelata melalui pengalaman hidup dan komunikasi seharian dan golongan arif bijaksana yang mengeluarkan ungkapan hasil daripada renungan mereka.

Persoalan yang berkaitan dengan kewujudan peribahasa telah dibangkitkan sejak dahulu lagi. Namun tiada suatu kesepakatan pendapat dalam kalangan pengkaji yang mengkaji bidang tersebut. Maslina Abdullah (1991), menyatakan bahawa tarikh kewujudan sesuatu peribahasa tidak dapat dikenal pasti tetapi hal yang pasti adalah peribahasa itu seusia dengan kelahiran sesuatu bahasa.

Peribahasa merupakan kelompok kata atau ayat yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu (Kamus Dewan Bahasa, 2007). Oleh itu, dalam peribahasa makna tersirat adalah lebih penting berbanding dengan makna tersurat.

Peribahasa merupakan satu pantulan daripada nilai, kebudayaan, kepercayaan dan pemikiran yang diwarisi oleh sesebuah masyarakat di dunia ini. Kehidupan dan pemikiran bangsa Melayu mempunyai kaitan yang rapat dengan peribahasa Melayu. Penciptaan peribahasa Melayu sangat terikat dengan adat istiadat Melayu lama. Bukan itu sahaja, salah satu daripada puisi tertua juga telah memaparkan akal budi bangsa Melayu (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Faud Mat Hassan, 2011). Setiap pemikiran yang diwujudkan melalui peribahasa mempunyai faedah atau makna yang tersendiri dan mudah difahami. Maka, bahasa inilah yang dikatakan sebagai peribahasa dalam bahasa Melayu.

Peribahasa Melayu terhasil daripada pengalaman kehidupan masyarakat yang memancarkan hati budi dan nilai masyarakat Melayu. Banyak peribahasa Melayu diambil daripada simbol alam sekeliling untuk memberi makna yang tepat dan padat,

pandangan tajam dan pemerhatian, serta yang diterbit daripada pengalaman (Ishak Ramly, 1990). Tindak tanduk anggota masyarakat dikawal oleh hukum adat dan nasihat moral yang diserlahkan melalui peribahasa. Oleh sebab pemikiran bangsa Melayu berdasarkan alam kehidupan yang mereka tempuhi maka, penciptaan peribahasa juga adalah berdasarkan fenomena sebenar kehidupan masyarakat (Hamilton, 1947).

Terdapat beberapa tokoh yang menganalisis peribahasa Melayu. Abdullah Hussain (1975), telah menganalisis tiga sumber asal-usul peribahasa dalam masyarakat Melayu, iaitu rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman kehidupan, orang-orang arif bijaksana yang mengeluarkan ungkapan kata-kata hasil daripada renungannya, dan kitab suci.

Bahasa kiasan dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kiasan jenis peribahasa dan kiasan jenis bukan peribahasa (Za'aba, 2002). Kedua-dua jenis bahasa kiasan tersebut mempunyai perbezaan yang nyata dari aspek maksudnya. Jenis peribahasa bahasa kiasan yang mempunyai makna khas tidak bergantung kepada konteksnya. Pendeta Za'aba (2002:165), mentakrifkan peribahasa sebagai “segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dipakai akan dia jadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran.”

Menurut Abdullah Hussain (2002), kiasan seperti peribahasa dihasilkan berdasarkan dua jenis perbandingan:

#### I. Perbandingan rupa

Sesuatu yang hendak diceritakan sifatnya dibandingkan dengan sesuatu benda lain yang mempunyai ciri rupa bentuk yang serupa.

#### II. Perbandingan sifat

Sesuatu benda yang hendak diceritakan sifatnya dibandingkan dengan benda lain yang serupa sifatnya walaupun rupa bentuknya berlainan.

Ding Choo Ming (2009), berpendapat bahawa sifat utama peribahasa ialah metaforanya yang perlu difahami dalam konteks budaya penuturnya. Peribahasa dalam masyarakat Melayu timbul bersama-sama dengan masyarakat daerah atau dengan kampung. Mengikut Darus (1978), menurut kebiasaan lama masyarakat Melayu, berbicara secara terus-terang dalam sesuatu perkara dianggap kurang sopan, perbuatan yang kurang manis dan melanggar adat. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Faud Mat Hassan (2011), peribahasa memancarkan hubungan antara pemikiran dan bangsa Melayu serta cara bangsa Melayu memandang dunianya juga tersimpul dalam peribahasa yang dicipta oleh mereka.

Berdasarkan huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa peribahasa dilahirkan serentak dengan kelahiran bangsa Melayu. Bangsa Melayu yang wujud di nusantara ini menuturkan bahasa Melayu sehari-hari dengan penuh nilai seni. Mereka mengambil unsur-unsur peribahasa sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam interaksi mereka sehingga menjadi sehati.

## **Asal-usul Kelahiran Peribahasa Tamil**

Peribahasa merupakan unsur bahasa yang dapat melambangkan keistimewaan sesuatu bangsa. Peribahasa kaya dengan kosa kata yang menarik dan digunakan oleh ahli masyarakat secara lisan untuk memberi penegasan dalam sesuatu ujaran. Peribahasa telah digunakan secara meluas pada zaman dahulu. Peribahasa Tamil digunakan untuk menyatakan buah fikiran, memberi kenyataan, memberi maklumat dan fungsi-fungsi komunikasi yang lain.

Seperti peribahasa Melayu, tarikh mula kewujudan peribahasa Tamil yang sebenarnya juga tidak dapat ditentukan. Perkara yang penting adalah peribahasa telah digunakan oleh ahli masyarakat India seiring dengan perkembangan bangsanya. Penggunaan peribahasa ini telah sebatik dalam kehidupan masyarakat zaman dahulu kala.

Sedia maklum bahawa, bukan bahasa Melayu sahaja mempunyai peribahasa malah bahasa lain juga mempunyai peribahasa. Terdapat tiga kaum yang dominan dalam negara kita, terutamanya kaum Melayu, kaum Cina, dan kaum India. Ketiga-tiga bangsa ini sememangnya kaya dengan peribahasa. Ini dapat dibuktikan dengan kajian lepas yang berkaitan dengan pelbagai tajuk peribahasa. Tetapi kajian tentang peribahasa Tamil adalah masih kurang dijalankan. Justeru, kajian perbandingan antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil ini akan mengisikan lompong untuk memperbanyak kajian agar sebagai rakyat Malaysia kita perlu mengetahui peribahasa masyarakat lain.

Akhirnya, setiap perkataan yang digunakan dalam peribahasa mempunyai nilai dan maksud yang tersendiri. Terdapat beberapa peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil ada yang mempunyai sama maksud dengan peribahasa Tamil yang menggunakan perlambangan yang sama untuk menyampaikan pemikiran. Dalam kajian ini mengkaji akan membandingkan peribahasa dalam kedua-dua bahasa. Penggunaan lambang serta sifatnya dalam peribahasa menunjukkan persamaan dan perbezaan budaya, amalan serta pandangan antara masyarakat Melayu dengan India. Oleh itu, perkara ini adalah penting kepada masyarakat majmuk untuk saling memahami dan menghormati keunikan budaya bahasa lain.

## **Pernyataan Masalah**

Kajian ini dijalankan kerana terdapat perbezaan dan persamaan peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil. Aspek semantik ini penting kerana setiap bahasa menggunakan perkataan yang berbeza untuk menyampaikan maksud yang sama atau menggunakan perkataan yang sama untuk menyampaikan maksud yang berbeza. Ismail Ahmad (1995), berkata kesilapan dalam menyampaikan sesuatu perkara boleh menjejaskan kewibawaan, keupayaan, akhlak, peribadi, hubungan ataupun kesefahaman seseorang. Oleh hal demikian, kekeliruan dalam memahami perkataan dalam bahasa yang dituturkan oleh setiap anggota masyarakat, akan menimbulkan pertelingkahan antara kaum. Maka, adalah amat penting untuk kita memahami unsur

maksud yang terkandung dalam setiap leksikal yang terdapat dalam bahasa yang dituturkan oleh masyarakat lain. Ini akan meningkatkan lagi persefahaman antara kaum.

Selain itu, peribahasa juga dibentuk dengan menggunakan lambang berasaskan keadaan yang terdapat dalam sesuatu masyarakat (Ishak, 1990). Terdapat simbol yang digunakan mempunyai persamaan ataupun perbezaan mengikut pemerhatian persekitaran atau kebudayaan yang diamalkan oleh setiap masyarakat di dunia ini.

Seterusnya, kajian Perbandingan Pentafsiran Leksikal Haiwan Dalam Peribahasa Melayu, dengan Peribahasa Cina dan Tamil, yang dikaji oleh Amirah Bt Razlan (2013) hanya berfokus kepada leksikal haiwan sahaja. Dalam kajian tersebut kita dapat mengetahui leksikal haiwan yang digunakan dalam peribahasa oleh tiga kaum di negara Malaysia. Dalam kajian tersebut juga telah dihuraikan pengaruh penggunaannya mengikut penggunaan kaum masing-masing. Maka, pengkaji telah meluaskan kajian dengan membuat perbandingan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dalam penggunaan leksikal benda, haiwan, anggota badan, dan alam.

Mohd Rasdi bin Saamah (2012), pula menyatakan bahawa kajian peribahasa penting untuk masyarakat di negara ini. Ini kerana pendedahan secara akademik diperlukan untuk memahami bahasa dan budaya kaum lain dalam negara yang berbilang kaum ini. Maka, pengkaji telah memilih untuk membuat kajian perbandingan, iaitu persamaan dan perbezaan peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dari aspek leksikal dan semantik. Pengkaji lebih tertumpu kepada semua aspek leksikal, iaitu benda, haiwan, anggota badan, dan alam. Fokus kajian adalah untuk mendapatkan makna keseluruhan peribahasa untuk membuat penelitian yang tepat terhadap setiap huraian peribahasa.

Oleh itu, daripada kajian Mohd Rasdi Bin Samaah (2012), menjelaskan bahawa pentingnya memahami bahasa dan budaya kaum lain. Oleh hal demikian, perkara ini mempunyai lompong untuk membuat kajian tentang persamaan dan perbezaan leksikal dalam peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil. Ini kerana bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa yang dipertuturkan oleh kaum India di Malaysia. Adalah perlu untuk mengetahui dan memahami bahasa mereka agar dapat merapatkan jurangan sosiobudaya antara kaum.

Selain itu, perkaitan peribahasa dengan masyarakat majmuk juga turut dihuraikan dalam kajian ini. Perkara ini dijelaskan untuk mengetahui pemikiran dan nilai yang diamalkan oleh kedua-dua masyarakat secara bersama. Walaupun kesantunan peribahasa ini tidak luas digunakan pada masa kini, tetapi kita perlu mengetahuinya agar tidak pupus ditelan zaman. Kajian ini penting kepada kaum lain, agar dapat memahami kebudayaan pelbagai kaum bagi mengelakkan pertelingkahan antara kaum.

### **Persoalan Kajian**

Dengan berdasarkan permasalahan yang dikemukakan di atas, persoalan kajian yang disasarkan adalah seperti yang berikut:

- I. Bagaimana mengenal pasti persamaan leksikal dalam peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dari aspek semantik?
- II. Bagaimana menganalisis perbezaan leksikal dalam peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dari aspek semantik?
- III. Apakah perkaitan antara peribahasa dengan masyarakat majmuk?

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. mengenal pasti persamaan leksikal dalam peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dari aspek semantik.
2. menganalisis perbezaan leksikal dalam peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dari aspek semantik.
3. menghuraikan perkaitan antara peribahasa dengan masyarakat majmuk.

### **Batasan kajian**

Kajian ini batasi kepada kajian perbandingan peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil. Kajian ini terbatas kepada objektif pengkaji, iaitu akan mengenal pasti persamaan dan perbezaan leksikal dari aspek semantik yang terdapat dalam kategori alam, benda, haiwan, dan anggota badan yang terdapat dalam peribahasa. Kategori tersebut dipilih kerana terdapat banyak persamaan dan perbezaan peribahasa dapat dikenal pasti sebagai data kajian. Terdapat banyak peribahasa yang mempunyai perbandingan makna dan lambang dalam kedua-dua bahasa tersebut. Setiap peribahasa tersebut peka akan benda yang wujud di persekitaran mereka dan menggunakannya dalam aktiviti peribualan mereka.

Dalam kajian ini, peribahasa yang diperoleh daripada buku *Peribahasa Sekolah Rendah, Koleksi Terindah Peribahasa Melayu, Kamus Istimewah Peribahasa Melayu, Peribahasa Tamil Kuil, Tamil karka venduma dan Ilakkana Ilakkiya Vizhakavurai* telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan Teori Segi Tiga Makna. Teori ini akan menjelaskan makna simbol melalui segi tiga, iaitu simbol, fikiran dan rujukan. Leksikal yang terdapat dalam peribahasa juga dibincang dari sudut semantik dan sintaksis yang mempengaruhi konsep makna sesuatu peribahasa tersebut.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah sangat penting untuk masyarakat kita yang berbilang kaum. Penciptaan peribahasa amat berkait rapat dengan budaya dan alam sekeliling masyarakat peribahasa tersebut. Negara kita Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang pelbagai bangsa iaitu bangsa Melayu, Cina dan India. Oleh hal demikian, sebagai rakyat yang tinggal dalam satu bumbung kita perlu mengetahui bukan sahaja adat resam mereka sahaja tetapi perlu mengetahui peribahasa mereka. Peribahasa merupakan bahasa atau pemikiran sesebuah masyarakat. Oleh itu, dengan mengetahui peribahasa bangsa lain, ini secara tidak langsung dapat memahami pemikiran bangsa lain.

Kajian ini juga penting untuk pihak universiti. Seperti yang semua tahu terdapat tiga bangsa yang utama yang tinggal di negara kita. Setiap bangsa tersebut mempunyai bahasanya tersendiri. Setiap bahasa tersebut mempunyai peribahasanya tersendiri. Oleh hal demikian, dengan mengkaji peribahasa setiap bangsa kita dapat mempelbagaikan kajian tesis bahasa di institusi pengajian tinggi. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan untuk memperluaskan kajian tentang peribahasa.

Kajian ini juga penting untuk para pelajar yang merupakan generasi akan datang. Kajian seperti ini akan membantu mereka untuk memahami sesebuah bangsa dengan jelas. Mereka juga akan mengetahui kesinambungan pemikiran antara bahasa mereka dengan bahasa lain. Melalui kajian yang dilakukan, iaitu berdasarkan contoh peribahasa yang dikemukakan, beberapa konsep yang terkandung dalam peribahasa khususnya yang berkaitan dengan falsafah dan kebudayaan masyarakat dapat ditimbulkan.

Tambahan pula, sebagai warisan seni budaya dan kesusasteraan, peribahasa perlu dipelihara dan dipertahankan. Dengan adanya kajian ini, pembaca akan lebih terdedah dan lebih memahami isi dan intipati peribahasa sesuatu bangsa. Ini secara tidak langsungnya dapat menimbulkan minat untuk mengetahui, mamahami dan mengkaji peribahasa yang wujud di dunia ini. Oleh hal demikian, kajian ini diharapkan dapat membantu menyegarkan kembali ingatan masyarakat terhadap khazanah warisan yang hampir ditelan zaman.

## **Definisi Operasional**

### **Peribahasa Melayu**

Dalam kajian ini, peribahasa Melayu ialah peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu. Peribahasa Melayu lahir berteraskan bangsa dan budaya Melayu. Melalui peribahasa, masyarakat Melayu dapat diberi gambaran dan dikenali tamadunya. Peribahasa ialah satu susunan bahasa yang menarik dan mudah, yang digunakan dan dituturkan oleh manusia sejak dahulu, diungkapkan dengan kata-kata indah, sedap didengar dan membawa pengertian serta tujuan yang benar untuk menjadikan panduan

kepada masyarakat yang mengamalkannya. Peribahasa Melayu terdiri dalam bentuk bidalan, simpulan bahasa, perumpamaan, perbilangan, pepatah dan petitah.

### **Peribahasa Tamil**

Seperti peribahasa Melayu, peribahasa Tamil juga berlatarbelakangkan masyarakat India dan menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa penyampaiannya. Peribahasa Tamil lahir daripada masyarakat India dan tercipta berteraskan budaya dan falsafah hidup. Melalui peribahasa, masyarakat India dapat menyampaikan pendapat, meluahkan perasaan, memberikan pengajaran dan fungsi yang lain.

### **Leksikal**

Dalam kajian ini, leksikal adalah perkataan atau kata. Leksikal itu merujuk kepada perkataan benda, haiwan, anggota badan dan alam yang terdapat dalam peribahasa.

Asmah Haji Omar (2008), menyatakan bahawa kata leksikal adalah perkataan yang boleh dihuraikankan dari segi makna. Kata yang tergolong dalam jenis ini mempunyai maksud yang tersendiri dan tidak bergantung kepada kata lain untuk menghuraikan makna. Starosta (1988), berkata leksikal ialah kata sifat yang tersangkut dengan struktur dalam sesuatu kata yang berkesinambungan secara sintaksis di antara satu kata dengan kata yang lain.

### **Semantik**

Dalam kajian ini, semantik adalah makna perkataan yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Nik Safiah Karim (2001), menyatakan bahawa semantik ialah bidang atau skop yang mengkaji erti atau maksud dalam bahasa.



## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hussain. (1975). *Canai Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain. (2002). *Kumpulan Peribahasa Canai Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain (2007). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan. (2002). *Kamus Simpulan Bahasa*. Kuantan: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan (2006). *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu*. Kuantan: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- A.K. Parasuramanar. (2000). *Buku Nalla Tamil Karka Venduma*. Chennai: Paari Nilaiyam Printers.
- Amirah Ahmad & Rozaimah Rashidin. (2011). *Terjemahan “air” dalam peribahasa Melayu-Inggeris: Analisis semantik kognitif*. Jurnal Linguistik 13 (6): 1-12.
- Amira Bt Razlan. (2013). *Perbandingan Pentafsiran Leksikal Haiwan Dalam Peribahasa Melayu, Dengan Peribahasa Cina Dan Tamil*. Tesis Master Universiti Putra Malaysia.
- Anita Nur Hanifah. (2013). *Kajian Struktural Nama Binatang Dalam Peribahasa Bahasa Inggeris*. *Linguistika Akademik*. Diakses dari <https://linguistikademia.files.wordpress.com/2013/06/10-kajian-struktural-nama-binatang-dalam-peribahasa-bahasa-inggrise280a6-anita-nur-h.pdf> (12 Disember 2013)
- Ariffin Nur (1971). *Sastera Melayu Klasik*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bloch dan Trager. (1942). *Outline of linguistic analysis*. Baltimore: Linguistic Society of America.
- Bahren Umar Siregar. (2010). *Emosi dan kebudayaan dalam peribahasa*. Muat turun 1

April, 2011 dari <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/104-Bahren-UmarSiregar-LTBI-UAJ-Emosi-danKebudayaan-dalam-Peribahasa.pdf>

- C.Veluswamy. (1981). *Palamozhi Vilakamum Illakana Surukamum*. Petaling Jaya: Thirumagal Publication.
- Darus Ahmad. (1978). *Persuratan Melayu: Lama-Baru*. Pulau Pinang: Sinaran.
- Ding Choo Ming. (2009). *Beberapa sifat, asal-usul dan kepengarangan peribahasa Melayu*. Sari - Internasional Journal of the Malay World an Civilization. Vol 27(2), 3-26.
- Ferdinand de Saussure. (1964). *Comparative Linguistics*. Paris: Payot.
- Goh Sang Seong. (2013). *Persamaan Lambang dalam Terjemahan Peribahasa Melayu-Peribahasa Mandarin*. Diakses daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/2224> (10 November 2013).
- Hamilton A.W. (1947). *Malay Proverbs*. Singapore: Eastern Universiti Press Ltd.
- Hamilton A.W. (1982). *Pantun Melayu*. Petaling Jaya: Eastern Universities Press.
- Henry Guntar Taring. (1986). *Psikolinguistik*. Bandung: Angkasa.
- Ishak Ramly. (1990). *Perkembangan Peribahasa dalam Bahasa Melayu*. Jurnal Dewan Bahasa. Vol 34(1), 54-61.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Ismail Ahmad. (1995). *Komunikasi Sainifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Ramly dan Goh Ong Sing. (1990). *Menilai Perkembangan Peribahasa Melayu* Jurnal Dewan Bahasa. Jilid.34(4).
- Institut Perguruan. (1996). *Ilakkana Ilakkiya Vizhakavurai*. Kuala Lumpur: Terbitan Institut Perguruan Sri Kota.
- Indirawati Zahid. (1998). *Peribahasa Melayu: Satu Klasifikasi yang Tiada Penentu*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 42, (11): hlm. 978-984.
- Bram Joseph. (1955). *Language And Languages*. New York: Random House.
- J.D Parera. (2004). *Teori Semantik*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- K.Sithambaranathan. (1987). *Ternthedutha Palamozhigal*. Kuala Lumpur: Uma

Publication.

- Keris Mas. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lai Lee Chung. (2002). Tesis Master Sastera Bahasa Melayu. Universiti Putra Malaysia.
- Maslina Abdullah. (1991). “*Kalau Hidup Tak Berbudi, Umpama Pokok Tidak Berbuah*”. Jurnal Pelita Bahasa. Jilid 3.
- Mohd. Ali Abdul Hamid. (1986). *Kamus Peribahasa*. Kuala Lumpur: ‘K’ Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Mengantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Rasdi bin Saamah. (2012). *Persamaan Lambang dan Makna Dalam Peribahasa Bahasa Semai dan Bahasa Melayu*. Diakses daripada <http://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Persamaan%20peribahasa%20Semai%20dan%20peribahasa%20Melayu.pdf>(12 Jun 2014).
- Mohd. Rasdi bin Saamah. (2013). *Unsur Haiwan Sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Suku Kaum Semai*. Diakses daripada [http://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Peribahasa\\_Semai\\_&\\_Haiwan\\_Terkini.pdf](http://jpmipgmtaa.webs.com/Penulisan/Peribahasa_Semai_&_Haiwan_Terkini.pdf) (12 Jun 2014).
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa persoalan sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2001). *Bahasa Melayu Kertas 2*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim & Abdul Hamid Mohmood. (2007). *Kesatuan Bahasa dalam Konteks Masyarakat Malaysia kini; Penyerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Noam Chomsky. (1957). *Syntactic Structures*. Paris: Mouton
- Noraini Shahida Ishak M Mascitah Mansor . (2011). *Peribahasa: Gambaran Minda Melayu dalam Penciptaan Iklan*. Divisyen Bahasa Melayu, CELPAD Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Diakses pada 12 Disember 2013 [http://irep.iium.edu.my/7309/1/Peribahasa\\_Gambaran\\_Minda\\_Melayu\\_dalam\\_Penciptaan\\_Iklan.pdf](http://irep.iium.edu.my/7309/1/Peribahasa_Gambaran_Minda_Melayu_dalam_Penciptaan_Iklan.pdf)

- Oktavianus Liudawati. (2008). *Rekonstruksi nilai budaya dari peribahasa Minangkabau dalam upaya memperkokoh filosofi Adat Basandi Syarak-Syarak Basandi Kitabullah (ABS-SBK)*. *Lingua Didaktika*. Vol 2(3), 51-73.
- Ragini Ragavan & CheIbrahim Salleh. (2015). *Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil dari Aspek Leksikal*. *Journal of Business and Sosial Development*. Volume(3),(1).
- Rahminah Hj. Sabran & Rahim Syam (1985). *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Rozaimah Rashidin & Noriza Daud. (2009). *Unsur perlambangan dalam bahasa Melayu: Satu analisis teori relevans*. *Jurnal Aswara*. Muat turun 30 Julai, 2011 dari [www.aswara.edu.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=c538310d](http://www.aswara.edu.my/c/document_library/get_file?uuid=c538310d)
- Sapir, E. (1921). *Language: An introduction to the study of speech*. London: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Sarala Rajagopalan. (1992). *Palamozhigalil Pengal*. Paari Publication: Chennai.
- Selvarajoo.(2003). *Kamus Peribahasa Tamil Kuil*. Kuala Lumpur: Jeya Bakti.
- Salina Jaafar. (2005). *Fungsi Leksikal "Bunga" dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Melayu*. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 5 (4): 40-66.
- Saidatul Nornis Hj.Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). *Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Orang Semai*. Diakses daripada <file:///C:/Users/User/Downloads/2224-4401-1-SM.pdf> (25 November 2013)
- Starosta, Slanley (1988). *The Case for Lexicase*. London: Pinter Publishers.
- V.Perumal. (1986). *Palanokil Palamozhigal*. Kuala Lumpur: Uma Publication.
- Wilkinson. (1907). "*Malay Proverbs On Malay Character, Letter Writing*". Paper On Malay Subject, Kuala Lumpur.
- Winstedt, R.O. (1957). *Malay Provebs*. London: John Murray Ltd.
- Zainal Abidin Ahmad (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azman Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu*. GEMA Online™ Journal of Language Studies. Vol 11(1), 31-51.